

13 Disember 2024

ICI Ref: M002A (POM) & M002B (Estates) - IOI Corporation Berhad – Syarimo Grouping ASA-02

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Pengawasan Tahunan ASA-02 MSPO ke atas IOI Corporation Berhad, Unit Pengurusan Ladang - PMU Syarimo grouping, Kinabatangan, Sabah, Malaysia

IOI Corporation Berhad telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Unit Pengurusan Ladang PMU, Syarimo Grouping bagi memenuhi keperluan *Malaysian Sustainable Palm Oil Standards series, MSPO 2530:2020-3.1 General principles for organised smallholder (below 500ha) & MSPO 2530:2020-3.2 General principles for organised smallholder (above 500ha) and MSPO 2530:2020-4.1 General principles for palm oil mill.*

Intertek Certification International merancang untuk menjalankan Penilaian Pengawasan Tahunan (ASA -02) bagi IOI Corporation Berhad Unit Pengurusan Ladang PMU, Syarimo Grouping pada 13 – 17 Januari 2025.

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan MSPO secara berterusan dan bagi mendapatkan maklumbalas, Intertek Certification International ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian IOI Corporation Berhad Unit Pengurusan Ladang PMU, Syarimo Grouping. Unit bagi pensijilan ini terletak di Kinabatangan, Sabah, Malaysia.

IOI Corporation Berhad (IOI) memiliki dan mengendalikan 12 buah kilang minyak sawit dan 77 di seluruh Malaysia. Demi keberkesanan pengurusan dan kos, ladang-ladang dan kilang sawit IOI Corporation Berhad beroperasi dalam struktur organisasi yang meliputi Unit Pengurusan Ladang, zon-zon dan wilayah.

Butiran lanjut kilang memproses dan ladang kelapa sawit untuk penilaian adalah berikut:

Kilang Kelapa Sawit

Nama Kilang Sawit /Kapasiti Kilang	Lokasi	Rujukan GPS		Ramalan Keluaran Tahunan (MT)		
		Latitud	Longitud	CPO	PK	FFB
Syarimo POM (Capacity: 90 MT/hour)	KM23, Jalan Kinabatangan, Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°20.001'N	117°46.875'E	44,828.26	10,569.42	211,388.36

Pangkalan Bekalan / Estet / Termasuk Pekebun Kecil Skim


Nama Estet	Lokasi	Rujukan GPS		Ringkasan kawasan (Ha)	
		Latitud	Longitud	Jumlah kawasan yang diperakui	Kawasan Tanaman
Syarimo 1 Estate (Syarikat Best Cocoa Sdn. Bhd.)	KM23, Jalan Kinabatangan, Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°19.742'N	117°49.510'E	1,914.00	1,820.00
Syarimo 2 Estate (Agroplex (Sabah) Sdn. Bhd.)	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°19.642'N	117°47.077'E	1,986.52	1,621.00
Syarimo 3 Estate (Very Good Estate Sdn. Bhd.)	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°19.769'N	117°46.561'E	2,442.02	2,298.00
Syarimo 4 Estate (Very Good Estate Sdn. Bhd.)	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°23.041'N	117°45.877'E	2,376.95	1,800.00



Syarimo 5 Estate (Very Good Estate Sdn. Bhd.)	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°21.065'N	117°42.938'E	2,267.55	2,047.00
Syarimo 6 Estate (Agroplex (Sabah) Sdn. Bhd.)	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°18.919'N	117°45.707'E	1,740.88	1,594.00
Syarimo 7 Estate (Maxgrand Sdn Bhd)	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°17.792'N	117°42.124'E	2,079.86	1,962.00
Syarimo 8 Estate (Maxgrand Sdn Bhd)	Sg. Latangan, Kinabatangan, Sabah	05°19.235'N	117°41.489'E	1,853.32	1,361.00
Syarimo 9 Estate (Maxgrand Sdn Bhd)	Sg. Latangan, Kinabatangan, Sabah	05°15.714'N	117°42.546'E	1,756.16	1,475.00
Jumlah Keseluruhan (Ha)				18,417.26	16,058.00

Intertek Certification International Sdn Bhd [dahulu dikenali sebagai Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd] adalah sebahagian daripada Kumpulan Intertek, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO P&C, RSPO SCC, ISCC, MSPO, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.

Map Lokasi of IOI Syarimo Grouping, Kinabatangan, Sabah





Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai**
 - En. Muhamad Naquiddin Mazeli (Kilang Kelapa Sawit, Aspek Undang-Undang, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu, Gunatanah dan Rantaian Perolehan di Kilang)
- **Penilai**
 - En. Mohd Nur Amin Mohd Halim (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Sosial, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu, Gunatanah)
 - En. Mohd Hafiz Mat Hussain (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Alam Sekitar dan HCV/Konservasi, Rantaian Perolehan di Kilang)
 - En. Zul Hairi Abu Hassan (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Gunatanah, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu)
 - Cik Khoo Yah Hui (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Sosial dan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan)
 -

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan dengan penilaian
- Pemeliharaan biodiversiti
- Pembangunan komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

En. Mohd Hafiz Mat Hussain
MSPO Scheme Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd
D-28-3, Level 28, Menara Suezcap 1
No. 2, Jalan Kerinchi, Gerbang Kerinchi Lestari
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-7931 0032 Fax: 03-7931 0419
Email: mohdhafiz.mathussain@intertek.com

En. William Siow Kar Dat
Sustainability Manager
IOI Corporation Berhad
Level 29, IOI City Tower 2, Lebuhr IRC,
IOI Resort City,
62502 Putrajaya, Malaysia
Tel: 03-8947 8888 Fax: 03-8947 8989
Email: william.siow@ioigroup.com

Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,

Mohd Hafiz Mat Hussain
MSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd